

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO
(KLANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 05.11.2015

Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO [KLANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesediaan Kerajaan untuk mengecualikan semua perubatan di Malaysia daripada dicukaikan oleh GST. Adakah Kerajaan bersedia untuk untuk memberi bantuan kepada golongan berpendapatan 40% dan ke bawah.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam Bajet 2016, Kerajaan telah mengumumkan penambahbaikan layanan GST termasuk pengenaan GST pada kadar sifar ke atas semua jenis Ubat Terkawal di

bawah senarai Racun Kumpulan A, B, C dan D, serta tambahan sebanyak 95 jenama ubat *over the counter*, meliputi ubat bagi 30 jenis penyakit seperti ubat kanser, kencing manis, darah tinggi dan sakit jantung. Ini melibatkan peningkatan dua kali ganda, dari 4,215 kepada 8,630 jenama ubat.

Pelaksanaan GST adalah bertujuan untuk menyusun semula sistem cukai kepenggunaan negara supaya menjadi lebih telus, efisien dan mesra perniagaan. Struktur GST yang dilaksanakan telah mengambil kira keadaan sosio ekonomi rakyat Malaysia dalam memastikan impak pelaksanaan GST adalah pada tahap minimum. Ini dapat dilihat apabila pelbagai barangan dan perkhidmatan asas tidak dikenakan GST. Antaranya adalah barang makanan asas seperti beras, sayur, daging, tepung, gula dan minyak masak, termasuk buah-buahan serta ubat-ubatan dikenakan GST pada kadar sifar. Perkhidmatan utiliti asas seperti bekalan air bagi kegunaan domestik serta elektrik bagi 300 unit pertama juga dikenakan GST pada kadar sifar. Selain itu, perkhidmatan pengangkutan awam, kesihatan dan pendidikan serta pembelian rumah kediaman juga dikecualikan dari GST. Kerajaan juga telah menetapkan supaya penjualan runcit minyak petrol RON 95, diesel dan LPG diberi

pelepasan GST. Pakej-pakej bantuan pelaksanaan GST juga disediakan termasuk pemberian BR1M yang telah ditambah amaunnya seperti diumumkan di dalam Bajet 2016. Ini akan membantu meringankan beban golongan B40. Selain itu, pemberian rebat bersamaan dengan amaun GST yang dibayar, yang dikreditkan terus ke dalam akaun perkhidmatan prabayar pengguna juga akan membantu meringankan beban golongan ini.

Pelbagai inisiatif juga telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2016 yang memberi fokus untuk meningkatkan taraf hidup golongan B40.